

TEKS UCAPAN

**YANG HORMAT DATO' RAZIHAN ADHARUDDIN
DATUK BANDAR MAJLIS BANDARAYA KUANTAN**

SEMPENA

**KARNIVAL SAYA SAYANG BUMI 2023
ALAM FLORA SDN BHD**

TAMAN GELORA, KUANTAN

14 OKTOBER 2023 (SABTU)

8.30 PAGI

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

**YBrs. En Azahari Zainal Abidin,
Ketua Pegawai Operasi Alam Flora**

YBrs. Encik Sharudin Hamid, Pengarah SWCORP Pahang

**Rakan-rakan media dan seterusnya sidang hadirin yang dihormati
sekalian.**

1. Pertamanya saya ingin memanjatkan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya jua dapat kita berhimpun bersama-sama hari ini dalam **KARNIVAL SAYA SAYANG BUMI 2023** anjuran Alam Flora buat julung kalinya dan memilih bandar Kuantan sebagai lokasi pertama karnival tersebut.

2. **KARNIVAL SAYA SAYANG BUMI** yang diadakan pada hari ini merupakan usaha yang telah dilaksanakan oleh Alam Flora untuk meningkatkan lagi kesedaran dan pembudayaan konsep 3R di kalangan semua pihak, terutamanya generasi muda yang kebanyakannya terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi.

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. Amalan atau budaya kitar semula adalah perkara yang berkait rapat dengan pengurangan kesan karbon selari dengan hasrat kerajaan negeri untuk mempromosikan kelestarian alam dan amalan kitar semula dalam usaha menjaga keindahan dan kebersihan negeri di Kuantan. **KARNIVAL SAYA SAYANG BUMI** menampilkan pelbagai program, persembahan dan aktiviti yang menarik bagi semua peringkat umur serta menyediakan peluang kepada

penduduk tempatan untuk belajar lebih lanjut tentang pentingnya menjaga bumi kita bersama-sama oleh pempamer yang turut serta dalam karnival tersebut.

4. **Pusat Pandu Lalu Belian Semula atau Drive Thru Recycle Centre (DTRC) di Taman Gelora** ini, yang memberi peluang kepada orang ramai untuk menjual barangan terpakai yang mereka tidak perlukan lagi dan boleh dikitar semula. Pengunjung DTRC layak menerima wang tunai bagi setiap barangan kitar semula yang telah dihantar. Selain dari itu, Alam Flora juga turut melaksanakan program '*Thrash to Cash*' di kawasan-kawasan perumahan di sekitar Kuantan, bagi meningkatkan lagi kadar kitar semula di negeri Pahang sebagai sokongan terhadap usaha kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) yang menetapkan sasaran 40 peratus kadar kitar semula menjelang tahun 2025. Kadar kitar semula di Malaysia ketika ini adalah pada tahap 33.1 peratus.

Saya dimaklumkan bahawa di Kuantan, **kadar kitar semula mencatatkan peningkatan sebanyak 82 peratus** terutama selepas DTRC di Taman Gelora di buka sejak dua tahun yang lalu. Tahniah dan terima kasih kepada semua pihak, Majlis Bandaraya Kuantan, SWCorp dan Alam Flora serta warga Kuantan yang prihatin terhadap alam sekitar yang terlibat sama dalam menjayakan usaha murni ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. Samada kita sedar atau tidak, bumi kita ini semakin hari semakin kekurangan sumber semulajadi. Hari demi hari, sumber-sumber bumi kini semakin menyusut. Andaikata kita tidak melakukan sesuatu, sudah pasti sumber-sumber ini tidak akan mampu bertahan lama untuk kegunaan generasi yang akan datang. Oleh itu, amalan mulia seperti aktiviti kitar semula sedikit-sebanyak dapat membantu menjana semula sumber barangan tersebut tanpa

menggunakan hasil bumi semulajadi. Sebagai contoh, kitar semula kertas yang berasaskan pulpa pokok sangat penting untuk membantu menjana semula sumber kertas tanpa perlu menebang pokok-pokok di hutan. Jika tiada pokok ditebang, In Shaa Allah proses pemuliharaan hutan akan menjadi lebih mudah dan cepat. Bayangkan sekiranya hutan-hutan kita terpelihara, maka sumber semulajadi berharga seperti pokok-pokok boleh dilindungi, dijaga dan dijana semula untuk kegunaan generasi akan datang.

Hadirin yang dihormati sekalian,

6. Hari ini, dengan adanya program kesedaran yang hebat seperti **KARNIVAL SAYA SAYANG BUMI**, sebagai inisiatif yang harus dijadikan contoh untuk menyedarkan masyarakat dalam menjaga alam sekitar. Aktiviti seperti *upcycling* ini adalah aktiviti yang mengubah produk yang tidak berfungsi kepada sesuatu yang lebih berguna amat sesuai untuk mengurangkan jumlah sampah yang kita keluarkan dan di samping itu, kita juga berjaya mengurangkan penggunaan bahan mentah.

Hadirin yang dihormati sekalian,

8. Saya menyeru kepada semua yang hadir pada hari ini; Marilah kita sama-sama menjadi ke arah menjamin persekitaran yang lebih bersih, hijau, selamat dan sihat, dengan memaksimumkan kitar semula, meminimakan sisa lebihan, mengurangkan penggunaan dan memastikan setiap barangan yang dihasilkan boleh diguna semula, dibaiki, dikitar semula dan dikomposkan. Saya juga berharap agar program ini benar-benar dapat menyemarakkan lagi kesedaran di kalangan warga Kuantan keseluruhannya. Ini amat penting supaya amalan kitar semula terus membudaya dan menjadi amalan kehidupan seharian di Kuantan bandar yang serba indah ini.

9. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada Alam Flora di atas penganjuran program yang memberi manfaat kepada alam sekitar dan penuh kreativiti ini. Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak dan hadirin sekalian atas sokongan dan kerjasama yang diberikan dalam menjayakan **KARNIVAL SAYA SAYANG BUMI** pada hari ini. Tanpa sokongan dan kerjasama yang harmoni ini, sudah pastinya program ini tidak dapat dilaksanakan dengan baik.

10. Semoga aktiviti dan program yang direncanakan ini dapat berjalan dengan lancar, mencapai objektifnya serta mendapat keberkatan Allah SWT. Insya Allah.

11. Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, dengan ini **saya melancarkan KARNIVAL SAYA SAYANG BUMI 2023**. Wabillahi Taufiq Wal Hidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.